

LEAD MAHATHIR - PBS

(1)

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PARTI BERSATU SABAH (PBS) TERLALU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DALAM MENYELESAIKAN KRISIS POLITIK DI SABAH.

CADANGAN-BALAS YANG DIKEMUKAKAN OLEH PBS TERHADAP FORMULA BAGI MENGATASI MASALAH ITU ADALAH +BERAT SEBELAH KERANA TERLALU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN-KEPENTINGAN PBS,+ KATA PRESIDEN UMNO ITU SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI TELAH MENYAMPAIKAN FORMULA ITU SEMASA LAWATANNYA KE SABAH BULAN LEPAS. PADA PERINGKAT PERMULAAN PBS, USNO DAN BERJAYA BERSETUJU DENGAN FORMULA ITU YANG MEMBOLEHKAN SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN DIADAKAN DI SABAH.

BAGAIMANAPUN, PEMETERAIAN PERJANJIAN MENGENAI PERKARA ITU, YANG DIJADUALKAN PADA 29 MAC, TERPAKSA DIBATALKAN KERANA PBS BERUBAH PENDIRIAN.

MENURUT PRESIDEN PBS YANG JUGA KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN, FORMULA ITU TIDAK LANGSUNG MENYENTUH MENGENAI KERAJAAN CAMPURAN CUMA KEMUNGKINAN KERJASAMANA ANTARA KETIGA-TIGA PARTI ITU. -- LAGI.

1751MST 06 04 86

B B766 DEB

LEAD MAHATHIR-PBS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA BELIAU DIFAHAMKAN BAHAWA PBS MAHU DUA-PERTIGA WAKIL RAKYAT DALAM KERAJAAN NEGERI SABAH TERDIRI DARIPADA PARTI ITU.

+ INI BERMAKNA PBS BOLEH MENUKAR PERLEMBAGAAN TANPA PERSETUJUAN PARTI-PARTI LAIN, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM KERAJAAN BN, YANG DIWAKILI OLEH BERBAGAI-BAGAI PARTI POLITIK DAN KAUM, TIDAK ADA SATU PUN KAUM YANG BERKUASA MENUKAR PERLEMBAGAAN DENGAN SENDIRINYA.

SEKIRANYA, SESUATU KAUM ATAU PARTI POLITIK HENDAK MENUKARKAN PERLEMBAGAAN TERPAKSALAH IA MENDAPAT PERSETUJUAN KAUM ATAU PARTI LAIN KERANA TIDAK MEMPUNYAI WAKIL RAKYAT SEBANYAK DUA-PERTIGA.

KATANYA, PERMINTAAN PBS ITU PADA PENDAPAT BARISAN NASIONAL SERTA MAJLIS TERTINGGI UMNO +TIDAK SIHAT.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MASIH BERPENDAPAT + BAHAWA FORMULA ITULAH YANG PALING BAIK + UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS DI SABAH TETAPI BARISAN NASIONAL TETAP BERFIKIRAN TERBUKA + KALAU ADA PERKARA YANG TIDAK MENYENTUH PRINSIP TERLALU BANYAK.+

+ KITA MAHU MENYELESAIKAN MASALAH SABAH DAN KITA AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MAKSUD ITU,+ KATANYA. - LAGI.(SAMBUNGAN DENGAN LEMBARAN BERIKUTNYA YANG TELAH DIHANTAR SEBELUM INI).

1755MST 06 04 86

D156

U B729 DEB

MAHATHIR-PBS 3 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH BERTUKAR DENGAN BEGITU CEPAT DAN INI MENYEBABKAN USAHA MENGATASINYA MENJADI SUKAR.

+ KALAU KITA MEMBUAT KEPUTUSAN (DALAM MESYUARAT) HARI INI MUNGKIN SAMPAI (PADA MESYUARAT BN DIAJAKAN) PADA 9 APRIL KEADAAN TELAH BERUBAH, + JELASNYA.

DEMI MEMANDANGKAN KEADAAN DEMIKIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO, PADA MESYUARAT HARI INI MEMBERI KUASA PENUH KEPADA WAKIL-WAKILNYA DALAM BN SERTA BIRO POLITIK UMNO UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN APABILA PERLU BERDASARKAN PERKEMBANGAN TERBARU PADA MESYUARAT BN ITU NANTI.

PERKARA BERHUBUNGAN DENGAN PERMOHONAN PARTI-PARTI DI SABAH UNTUK MENYERTAI BN JUGA DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT HARI INI.

MENURUTNYA, PERMOHONAN-PERMOHONAN USNO, PBS, PASOK DAN SCCP (PARTI BERSATU CINA SABAH) TELAH PUN DITERIMA OLEH BN. -- LAGI.
1537MST 06 04 86

D159

U B731 DEB

MAHATHIR-PBS 4 KUALA LUMPUR (AKHIR)

+ JELASLAH, BARISAN NASIONAL AKAN MEMBINCANGKAN PERMOHONAN-PERMOHONAN ITU PADA MESYUARATNYA RABU INI, + KATANYA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA MESYUARAT HARI INI MENENTUKAN MASA YANG SESUAI UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, + KITA TIDAK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU. +

SELAIN PERKEMBANGAN POLITIK SEMASA, MESYUARAT EMPAT JAM ITU JUGA MEMBINCANGKAN PERKARA BERKAITAN DENGAN EKONOMI KHUSUSNYA PERANAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DALAM MENJAYAKAN RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML). -- BERNAMA.

1543MST 06 04 86